

Bersihkan

Analisis Berita

Oleh
MOHD. NOR SAMAD

KALI ini, Dr. Mahathir Mohamad benar-benar serius. Beliau mahu 'Sabah Baru' betul-betul baru.

Mesej yang disampaikan semasa lawatan rasmi dua harinya ke Sabah pada 2 dan 3 April lalu cukup jelas dan membara seribu pengertian.

Beliau tidak mahu lagi kesilapan yang dilakukan oleh tiga kerajaan negeri lepas yang kemudian dihukum oleh rakyat yang kecewa, ditimpa pula pada Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) Sabah yang baru dibentuk itu.

Dr. Mahathir mahu Sakaran Dandai dan anak-anak buahnya mentadbir Sabah dengan baik, tidak menyeleweng dan bercita-cita mahu mengayakan diri masing-masing.

Kesemua perilaku yang kurang sihat ini sudah pasti akan menyebabkan mereka terlupa tanggungjawab kenapa mereka dipilih oleh rakyat.

Akibatnya, seperti kata Dr. Mahathir, para pemimpin menjadi kaya, manakala rakyat dan negeri Sabah masih di takuk lama.

Amalan buruk ini yang Dr. Mahathir tidak mahu diwarisi dan disambung oleh Sakaran dan anak-anak buahnya.

Sakaran mesti membentuk imej, wajah baru dan identiti tersendiri.

Atas sebab itu, beliau mahu semua menteri, pembantu menteri dan para pegawai kerajaan mengisytihiarkan harta

UM - 5 APR 1994

masing-masing kepada beliau.

Dr. Mahathir berkata, langkah ini bertujuan untuk kerajaan menganalisis "pertumbuhan ekonomi mereka."

Perdana Menteri yang memang diketahui tegas orangnya tidak mahu "pisan berbuah empat kali."

Rela

Sehinggakan Dr. Mahathir berkata, beliau lebih rela melihat Sabah jatuh ke tangan pembangkang semula daripada mempunyai Kerajaan Negeri Sabah yang tidak bersih dan menyeleweng.

Sebagai menunjukkan keseriusannya, Dr. Mahathir membuat ingatan itu dua kali, pertama semasa di majlis perjumpaan dengan para pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan, manakala yang kedua pada acara Pemimpin Bersama Rakyat di Majlis Agama Islam Sabah (MUIS).

Apa yang jelas, Dr. Mahathir sudah mula mengotakan apa yang BN janjikan semasa pilihanraya Negeri Sabah kelampau dahulu.

Ucapan keras ini beliau buat dalam lawatan pertamanya ke negeri ini sejak BN membentuk Kerajaan Negeri Sabah yang baru.

Sebaik sahaja BN berkuasa di Negeri Bawah Bayu ini, Dr. Mahathir mengesahkan yang jawatan Ketua Menteri Sabah akan digilirkan selang dua tahun kepada tiga kaum terbesar di negeri ini (bumiputera Islam, Cina dan bumiputera buka Islam).

Sebelum ini, ramai yang mempersoalkan tentang cadangan Dr. Mahathir ini yang dibuat semasa kempen pilihanraya lalu.

Kebanyakan mereka menganggap yang Perdana Menteri tidak berani melaksanakannya. Ia cuma satu janji politik.

Ternyata segala sangkaan itu meleset.

Perdana Menteri membuktikan yang jawatan itu akan diagihkan secara bergilir-gilir dengan pusingan pertama diraih oleh Sakaran, wakil UMNO.

Dalam majlis jamuan makan malam anjuran Kerajaan Negeri Sabah yang julung kali diadakan baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akanewartakan konsep Zon Perdagangan Bebas di Sabah secepat mungkin.

Konsep ini apabila dilaksanakan sudah pasti dapat mewujudkan kesan berganda yang bermakna Sabah akan dilimpahi oleh para pelabur asing serta mewujudkan industri sokongan yang lain.

Kesemuanya ini dapat membantu mewarnakan pertumbuhan ekonomi Sabah dari negeri yang mundur kepada negeri yang maju dan membangun.

Anwar yang juga Menteri Kewangan semasa mengadakan rumah terbuka di Dewan Perdana, Wisma MUIS pada akhir bulan lalu mengumumkan tentang peruntukan segera sebanyak RM500 juta untuk kemudahan infrastruktur dengan tumpuan kepada bekalan elektrik dan air.

Ini kerana kedua-dua perkara asas itu dikecapi seimbang oleh semua rakyat Sabah. Malahan di beberapa tempat di bandar Kota Kinabalu, ibu Negeri Sabah ini juga menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Sabah baru

Masalah bekalan elektrik terputus kadang kala berlaku.

Mesej Perdana Menteri dan ditambah lagi dengan langkah mempercepatkan mewartakan konsep zon perdagangan bebas serta peruntukan RM500 juta itu menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat serius untuk memajukan Sabah.

Belakang

Dr. Mahathir dan Anwar mahu menyaksikan Sabah "berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan negeri-negeri lain, termasuk Sarawak yang sudah jauh meninggalkan Sabah ke belakang.

Sakaran yang amat peka dan sedar akan kehendak Kerajaan Pusat dan rakyat Sabah itu terus mengambil langkah drastik.

Sebaik sahaja Dr. Mahathir dan rombongannya berlepas ke Kuala Lumpur pada petang 3 April lalu, Sakaran terus memberi tempoh sebulan ke-

pada semua menteri, pembantu menteri dan pegawai kerajaan untuk mengisytiharkan harta masing-masing kepada Dr. Mahathir.

Sakaran tidak mahu amanat Dr. Mahathir itu dipandang ringan dan "masuk telinga kanan keluar telinga kiri."

Beliau berkata, pihaknya akan memberi surat peringatan kepada mereka yang gagal untuk berbuat demikian.

Selain itu, Sakaran juga memberi amaran yang dia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada sesiapa yang didapati menyeleweng termasuk mereka yang berjawatan menteri.

Sakaran, sejak memegang tampuk kerusi nombor satu itu, sentiasa mengingatkan anak-anak buahnya supaya bekerja keras untuk rakyat, dan jangan sekali-kali mengayakan diri sendiri.

Apa yang jelas, kedatangan Dr. Mahathir telah

membawa 'buah tangan' kepada rakyat.

Ditambah lagi pula dengan langkah segera yang diambil oleh Sakaran.

Sekiranya keadaan positif ini berterusan, sudah pasti rakyat Sabah dapat menerima sepenuhnya kedatangan BN ke negeri ini.

Ikhlas

Yang pasti, rakyat Sabah akan sedar betapa ikhlas dan jujurnya Kerajaan Pusat, BN Pusat dan negeri mahu membangun dan memajukan negeri ini.

Tetapi, sekiranya fenomena ini bersifat sementara dan "hangat-hangat tahi ayam," kerajaan pimpinan Sakaran dan penggantianinya, pasti menerima nasib yang serupa, malah mungkin lebih buruk dari yang diterima oleh tiga kerajaan-kerajaan negeri yang terdahulu.

■ **Mohd. Nor Samad ialah Wakil Negeri Utusan di Kota Kinabalu, Sabah.**